

Sidang Redaksi



Gambar muka depan

Sempena Bulan Kemerdekaan ke-50 tahun, Bangunan Parlimen Malaysia berjaya menggondol hadiah naib johan yang bernilai RM8,000 bagi pertandingan Kecantikan Pencahayaan Bangunan Kerajaan peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

PENASIHAT
Y.B. Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh
Yang di-Pertua Dewan Negara

Y.B. Tan Sri Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
Yang di-Pertua Dewan Rakyat

KETUA PENGARANG
Datuk Kamaruddin Bin Mohamed Baria
Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia

PENGARANG
Ahmad Fauzi Bin Haji Mustafa
Pegawai Penyelidik Parlimen Malaysia

PENYUNTING
Mustafar Ramdzuan Bin Zakaria
Pegawai Penyelidik Parlimen Malaysia

Wan Noorzaleha Binti Wan Hasan
Pegawai Penyelidik Parlimen Malaysia

JURUFOTO
Abu Bakar Hasan
Jurufoto Parlimen Malaysia

HAKCIPTA
Parlimen Malaysia
Artikel yang disumbangkan dalam BULETIN PARLIMEN MALAYSIA tidak semestinya mencerminkan pendapat sidang redaksi, tetapi lebih merupakan pendapat penulis.

REKABENTUK DAN DICETAK
Percetakan Watan Sdn. Bhd.




Sidang Redaksi BULETIN PARLIMEN MALAYSIA mengalumakan sumbangan tulisan dan maklum balas. Sila kemukakan kepada:

BULETIN PARLIMEN MALAYSIA
Unit Penyelidikan,
Tingkat 5, Bangunan Parlimen,
Jalan Parlimen,
50680 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2072 1955 | Fax : 03-2026 9785
Email: buletinparlimen@parlimen.gov.my

Kandungan

1. DARI MEJA KETUA PENGARANG ... **3**
2. PERUTUSAN YANG di-PERTUA DEWAN NEGARA ... **4**
3. PERUTUSAN YANG di-PERTUA DEWAN RAKYAT ... **5**
4. PERUTUSAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI ... **6**
5. PROFIL
 - a) Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara
Y.B. Senator Dato' Ir. Wong Foon Meng ... 8
 - b) Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat
Y.B. Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar ... 9
 - c) Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat
Y.B. Datuk Ronald Kiandee ... 10
 - d) Ketua Pembangkang
Y.B. Dato' Seri Anwar Ibrahim ... 11
 - e) Pengerusi Kelab Penyokong Barisan Nasional (BNBBC)
Y.B. Dato' Seri Tiong King Sing ... 12



8. MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI PARLIMEN DI DEWAN RAKYAT DAN DEWAN NEGARA
 - a) Senarai nama & Majlis Angkat Sumpah Ahli Dewan Rakyat Penggal ke-12. ... **21**
 - b) Majlis Angkat Sumpah Perlantikan Ahli Dewan Negara Disember 2007 hingga Julai 2008 ... **26**
 - c) Bilangan Kerusi Ahli Dewan Rakyat Mengikut Parti Penggal ke-12 ... **28**
 - d) Bilangan Kerusi Ahli Dewan Rakyat Mengikut Parti Tahun 1955 – 2004 ... **29**



9. ARTIKEL
 - a) Sidang Parlimen Bukan Tempat Ceramah Politik ... **31**
 - b) Bawa Dimensi Baru CPA ... **34**
 - c) Masalah Pengangguran Siswazah: *Program Penempatan Dalam Industri – Memantapkan Modal Insan* ... **36**
 - d) 7 Strategi Peningkatan Kerjaya ... **39**
 - e) Pindaan-pindaan Yang Memerlukan Sokongan 2/3 Majoriti Ahli Dewan ... **41**
 - f) Jom Sihat: *Tip kesihatan dari Gim Parlimen Malaysia* ... **43**



6. MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KE-12 ... **13**
7. IMBASAN
 - a) Taklimat Ahli Dewan Rakyat di Bankuet Parlimen Malaysia ... **17**
 - b) Perlantikan Yang di-Pertua Dewan Rakyat ... **18**
 - c) Pemasyhuran Yang di-Pertua Dewan Rakyat ... **19**

10. AKTIVITI

- a) Peningkatan Integriti dan Modal Insan ... **45**
- b) Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1429 Hijrah ... **46**
- c) Majlis Meraikan Persaraan/Perpisahan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Setiausaha Dewan Rakyat dan Kakitangan Parlimen ... **48**
- d) Pelancaran Tabung Bantuan Kemanusiaan Taufan Myammar ... **49**
- e) Pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-9 ... **49**
- f) Pembangunan Sahsiah Diri ... **50**
- g) Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang dan Anugerah Perkhidmatan Terpuji 2007 Kakitangan Parlimen



Malaysia ... 52

- h) Perlantikan, Pertukaran, Penempatan Baru dan Persaraan Kakitangan Parlimen Malaysia ... **53**
- i) Pesta Makan Durian ... **58**
- j) Majlis Penyerahan Jalur Gemilang Sempena Hari Kemerdekaan ke-51 ... **58**

11. PORTFOLIO

- a) Urusan Rasmi Antarabangsa Parlimen Malaysia 2008 ... **60**
- b) Lawatan Pemimpin Luar Negara Ke Parlimen Malaysia ... **61**
- c) Malaysia sebagai Tuan Rumah Persidangan Parlimen Komenwel ke-54 ... **62**
- d) Rang Undang-undang Yang Telah Diluluskan Bagi Tempoh Pertengahan Tahun 2008 ... **64**



Y.BHG. DATUK KAMARUDDIN BIN MOHAMED BARIA
Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Hormat.

TERLEBIH dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kehadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya Parlimen Malaysia berjaya menerbitkan Buletin Parlimen Malaysia buat kali keduanya.

Selaras dengan intipati Buletin Parlimen Malaysia sebagai perantara informasi dan inspirasi, saya percaya segala maklumat yang dipaparkan dapat memberi gambaran bahawa Parlimen Malaysia seiring dengan perkembangan globalisasi, liberalisasi ekonomi, ledakan teknologi maklumat dan komunikasi yang kini begitu menyerlah sekali.

Segala urusan yang berkaitan sistem penyampaian kini telah berubah dengan begitu pantas sekali terutama dengan adanya perkembangan informasi sekarang. Ini selaras dengan pandangan Alvin Toffler dalam *Power Shift* bahawa kemampuan kita untuk mengumpul, menyaring dan menganalisis maklumat atau ilmu akan menentukan tahap daya saing kita berbanding dengan negara-negara lain menjelang abad-abad yang akan datang, di mana menurutnya, “*The new accelerated system for wealth creation is increasingly dependand on the exchange of data, information and knowledge. It is ‘super-symbolic’. No knowledge exchange, no wealth created*”.

Sebagai institusi tertinggi negara, Parlimen Malaysia sentiasa peka terhadap apa jua perubahan yang berlaku dewasa ini, dan berusaha untuk memberikan maklumat dan menyediakan perkhidmatan yang cepat serta terkini dalam memenuhi keperluan pelanggan yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat, antaranya, Ahli-Ahli Parlimen tidak kira Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Eksekutif, agensi kerajaan, anggota perkhidmatan awam, pelajar dan juga orang ramai.

Saya amat berharap Buletin Parlimen Malaysia dapat memberi sumbangan terhadap perkembangan dunia informasi. Saya amat mengalu-alukan pandangan yang membina bagi memantapkan lagi pengurusan maklumat Parlimen Malaysia.

Sekian, terima kasih.



Perutusan Yang di-Pertua Dewan Negara

Y.B. TAN SRI DATO' SERI DR. ABDUL HAMID PAWANTEH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

SAYA merafakkan puji dan syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya Parlimen Malaysia dapat meneruskan usaha menerbitkan Buletin Parlimen Malaysia kali ini.

Kelahiran buletin ini akan mencatatkan pelbagai maklumat dan merakamkan pelbagai aktiviti berkaitan Parlimen Malaysia yang akan mewarnai sejarah negara khususnya dalam perkembangan institusi Parlimen Malaysia.

Perkembangan politik negara semasa memberikan gambaran bahawa amalan demokrasi kemungkinannya sukar difahami tetapi keseluruhannya mendukung prinsip mematuhi kehendak majoriti. Saya percaya buletin ini memberikan gambaran situasi semasa.

Dalam masa yang sama ekonomi negara dan global sedang menghadapi keadaan yang mencabar. Peranan Parlimen sebagai institusi perundangan tertinggi negara adalah signifikan dan bermakna bagi memastikan kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat berterusan.

Akhirnya, saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang telah berusaha untuk menjayakan penerbitan Buletin Parlimen ini dan berharap buletin ini akan memberi kefahaman yang lebih mendalam terhadap peranan Parlimen.

Sekian, terima kasih.

Perutusan Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Y.B. TAN SRI PANDIKAR AMIN HAJI MULIA

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

KEBELAKANGAN ini, minat serta kesedaran masyarakat umum terhadap perihal pentingnya peranan institusi Parlimen di negara ini telah semakin meningkat. Malangnya, maklumat bertulis berkaitan dengan Parlimen bukan sahaja tidak memadai malah saya mendapat maklumat juga amat sukar diperolehi.

Pada era digital ini, penulisan-penulisan yang berkaitan dengan urusan Parlimen sama ada dalam bentuk dokumentasi persidangan mahupun rujukan-rujukan mengenai amalan peraturan mesyuarat di negara-negara yang lain seharusnya diperbanyakkan. Ini penting agar semua pihak, khususnya masyarakat umum mengetahui proses serta aturan mesyuarat sebenar yang sepatutnya menjadi amalan di dalam Dewan. Dengan yang demikian, mereka tidak mudah terpedaya dengan tindak-tanduk sesetengah pihak yang cuba berbuat sesuka hati dan mengingkari peraturan mesyuarat atas kepentingan tertentu.

Justeru saya menyambut baik usaha Parlimen Malaysia dalam menerbitkan ‘Buletin Parlimen’ tahun 2008 ini. Saya berharap agar pada masa hadapan perkara-perkara sepertimana yang saya haraikan di atas dapat diberikan ruang untuk dipaparkan. Adalah menjadi harapan saya agar ‘Buletin Parlimen’ ini akan dapat sedikit sebanyak mencapai objektif untuk memberi informasi seterusnya meningkatkan lagi pengetahuan masyarakat umum mengenai Parlimen. Usaha penerbitan seumpama ini juga perlulah diperluaskan lagi melalui saluran yang lain seperti internet dan sebagainya agar lebih mudah dicapai oleh sesiapa sahaja yang berminat.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menerbitkan Buletin Parlimen ini dan berharap buletin ini akan diterbitkan lagi pada masa-masa hadapan.

Sekian. Terima Kasih.





Perutusan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI TAN SRI ABDUL AZIZ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Bahagia.

SEGALA puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan rahmat dan izin-Nya Buletin Parliment Malaysia dapat diterbitkan untuk kali keduanya.

Negara mencapai kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Semangat kesetiaan kepada negara oleh setiap individu rakyat negara ini, tidak kira kaum dan fahaman politik, adalah asas kepada pembinaan negara yang stabil. Pada masa kini persekitaran ekonomi global menghadapi kesukaran dan perkembangan yang tidak menentu, namun sokongan padu rakyat, kestabilan politik dan kecekapan pentadbiran kerajaan menjamin ekonomi negara terus berkembang dan berdaya saing. Pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan rakyat yang disalurkan melalui Ahli-ahli Parliment kepada kerajaan telah diterjemahkan dalam bentuk perlaksanaan dasar-dasar kerajaan dalam pentadbiran negara.

Sebagai institusi yang tertinggi dan terpenting di negara ini, Parliment meluluskan undang-undang, belanjawan negara, dan lain-lain, merupakan asas bagi perkembangan politik, ekonomi, sosial di negara ini. Persidangan Parliment dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di Parliment dari semasa ke semasa mendapat perhatian umum. Justeru, peristiwa yang berlaku ini jika diterjemahkan dalam bentuk penulisan pastinya menjadi sejarah dan rujukan di masa depan.

Saya sangat mengalu-alukan penerbitan Buletin Parliment ini dan amat berbesar hati serta mengucapkan tahniah kepada sidang pengarang yang berusaha untuk memastikan Buletin Parliment ini terus diterbitkan bagi tatapan semua.

Sekian. Terima Kasih.